

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS

SOALAN : NO. 520

YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) apakah pengurangan bajet pendidikan negara sebanyak RM 2.4 bilion akan mengakibatkan kesan terhadap pembangunan dan peningkatan IPT negara; dan
- (b) apakah kaedah lain Kerajaan untuk mengembalikan peruntukan pendidikan yang lebih tinggi untuk meningkatkan prestasi universiti.

JAWAPAN

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurangan peruntukan kepada Universiti Awam (UA) merupakan satu pemangkin kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ke arah mengurangkan kebergantungan UA terhadap peruntukan kerajaan selaras dengan hasrat yang telah dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) di bawah Lonjakan ke-5 "Kemampanan Kewangan". Pembiayaan berdasarkan pencapaian *outcomes* akan menjadi *the new norm* yang bertujuan untuk mengoptimumkan kos dalam sistem pendidikan di samping menggalakkan UA untuk memperkuuhkan kewangan sendiri dengan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa mengurangkan akses atau menjaskankan kualiti pendidikan yang diberikan.

Terbaru, UA terus menunjukkan peningkatan prestasi dalam penarafan *QS World University Ranking By Subject 2016* iaitu berada di kedudukan 200 terbaik dunia bagi 27 bidang daripada 42 bidang yang disenaraikan.

Tiga bidang berada di kedudukan 50 terbaik dunia, iaitu Pengajian Pembangunan, Universiti Malaya (UM) ke-30, Kejuruteraan-Elektrik dan Elektronik, UM ke-37 dan bidang Kejuruteraan-Kimia, Universiti Sains Malaysia (USM) ke-46. Selain itu, dalam *QS-World University Rankings* 2015, UM berada di kedudukan ke-146 terbaik dunia, USM di kedudukan ke-289 dan Universiti Putra Malaysia di kedudukan ke-331. Dalam aspek penyelidikan, **3 orang penyelidik** dari UA telah berjaya disenaraikan sebagai **Minda Saintifik Paling Berpengaruh Di Dunia bagi tahun 2015** oleh *Thomson Reuters*. Pengiktirafan ini diberikan kepada penyelidik dikalangan ‘top 1%’ daripada 9 juta penyelidik di seluruh dunia yang menghasilkan lebih daripada 2 juta penulisan hasil kajian setiap tahun.

(b) Dalam menghadapi pemotongan peruntukan Bajet 2016, PPPM (PT) telah menggariskan inisiatif UA untuk mencari sumber pendapatan tambahan alternatif bagi memastikan kedudukan kewangan UA yang lebih fleksibel, kukuh dan mapan. Untuk itu, UA adalah digalakkan untuk menjana dan meningkatkan hasil daripada perkhidmatan dan aset di universiti masing-masing termasuk membangunkan aset tanah yang berpotensi untuk aktiviti komersil yang akan memberikan pendapatan tambahan kepada UA. Di samping itu, UA juga disaran memaksimumkan penjanaan dana melalui pengkomersilan idea dalam perundingan, penyelidikan dan latihan yang menjadi bidang kepakaran universiti.

Selain itu juga, UA boleh memberi fokus kepada jumlah pelajar yang berjaya menamatkan pengajian mengikut tempoh pengajian yang ditetapkan (*graduate on time, GOT*). GOT ini akan memastikan universiti tidak mengalami kekurangan pensyarah dan pada masa yang sama dapat mengurangkan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh KPT bagi menampung perbelanjaan pelajar yang membuat pelanjutan tempoh penajaan.